



JABATAN KAWALAN PEMBANGUNAN

PANDUAN BAGI MENGEUKAKAN PERMOHONAN PERMIT KERJA-KERJA BINAAN

<p>A. Syarat-Syarat Kelulusan Permit Sementara (Kod Kerja : A1, B1, C1, E1, F1, G1, H1, J1, K1, L4)</p> <ol style="list-style-type: none">1. Bahan-bahan binaan hendaklah diletakkan tidak menimbulkan halangan atau gangguan lalulintas dan keselamatan orang ramai.2. Tapak yang digunakan hendaklah diterangi dengan lampu dan papan tanda amaran diletakkan dengan secukupnya di waktu malam.3. Pemohon mestilah memastikan bahan-bahan binaan tidak terjatuh dan tersekatnya ke dalam longkang tepi jalan.4. Semua bahan-bahan binaan hendaklah dipindahkan setelah tempoh Permit Sementara ini tamat.5. Tapak hendaklah dibersihkan setelah kerja-kerja binaan siap dan menguruskan pembuangan sampah ke tempat pembuangan sampah MBI dengan mendapat kelulusan oleh Jabatan Kesihatan MBI.6. Semua kerosakan pada jalan, longkang atau kabel utility hendaklah dibaiki mengikut sebagaimana asalnya.7. Kelulusan permit hanya untuk menjalankan kerja-kerja kecil binaan termasuk bagi membina pagar sempadan di dalam lingkungan sempadan lot cadangan sahaja.8. Kedua-dua permukaan pagar hendaklah dilepa dengan sempurna.9. Sebarang kerja-kerja binaan, pindaan atau pemberian selain daripada apa yang dinyatakan di dalam permit ini adalah tidak dibenarkan.10. Mengadakan system perparitan yang sempurna (jika berkenaan).11. Menyediakan tempat letak kereta yang secukupnya bagi kegunaan kakitangan dan lain-lain yang terlibat di atas tapak cadangan (jika berkenaan).12. Pemohon mestilah memastikan binaan / struktur / bangunan sementara yang dibina sentiasa berada di dalam keadaan selamat untuk digunakan, bersih dan teratur.13. Kemudahan-kemudahan sanitari (kumbahan) hendaklah diadakan dengan secukupnya mengikut piawaian Jabatan Perkhidmatan Pembentungan serta sentiasa dijaga kebersihannya.14. Kesemua langkah-langkah keselamatan dan mencegah kebakaran mestilah diadakan dengan secukupnya.15. Bagi L4 (Permit Letak Kren), tambahan petak letak kereta yang ke-6 dan seterusnya dikenakan bayaran mengikut kadar bayaran M1 (Penyewaan Letak Kereta).16. Kelulusan permit bangunan semenanjung ini adalah untuk tempoh satu tahun sahaja dan berakhir pada 31hb, Disember. Ianya hendaklah diperbaharui dari tahun ke setahun.17. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang tersebut di atas boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) atau mana-mana undang-undang yang berkaitan dan permit ini hendaklah dianggap telah terbatal dengan sendirinya.	<p>B. Syarat-Syarat Kelulusan Permit Meroboh Bangunan (Kod Kerja : N1)</p> <ol style="list-style-type: none">1. Mengemukakan 'Laporan Kajian Persekutaran' bangunan berkaitan dan bangunan-bangunan di sekelilingnya yang dilengkapkan dengan perkara-perkara berikut:<ul style="list-style-type: none">- Surat permohonan daripada pemohon yang menyatakan tujuan bagi mendapatkan permit meroboh bangunan.- Satu (1) salinan pelan lokasi dalam saiz A4 / A3.- Satu (1) set gambar dengan pandangan semua sisi bangunan-bangunan sediada yang akan dirobohkan dan bangunan di sekelilingnya.2. Mengemukakan surat pelantikan dan surat setuju terima Juruperunding yang bersetuju bagi mengambil tanggungjawab untuk mengawasi kerja-kerja meroboh.3. Mengemukakan jadual kerja terperinci dan tempoh masa bagi cadangan pelaksanaan kerja-kerja meroboh.4. Mengemukakan 'Method Statement' yang mengandungi laporan kajian terperinci yang telah disahkan oleh Jurutera Perunding mengenai tatacara dan kaedah bagi kerja-kerja meroboh termasuklah senarai langkah-langkah keselamatan yang akan diambil serta tindakan-tindakan keselamatan tambahan yang akan diadakan bagi melindungi orang awam dan juga pekerja-pekerja yang terlibat semasa tindakan meroboh.5. Satu (1) salinan surat kelulusan pelan bangunan bagi cadangan yang ingin dibangunkan di tapak yang terlibat (jika berkaitan).6. Mengemukakan salinan Insuran Pelindungan Awam (Public Liability) yang telah diambil oleh kontraktor.7. Sebelum kerja-kerja meroboh dilaksanakan, pemohon hendaklah memperolehi kelulusan bagi pemotongan air dan elektrik dan lain-lain bekalan utility daripada agensi-agensi yang berkenaan serta mengemukakan bukti tindakan tersebut telah diambil.8. Mengemukakan satu (1) salinan senarai nama-nama dan nombor telefon pihak yang terlibat di dalam tindakan meroboh tersebut iaitu:<ul style="list-style-type: none">- Pemilik/Pemilik-Pemilik dan Pemaju.- Jurutera Perunding dan lain-lain Perunding.- Kontraktor.9. Sekiranya kerja-kerja perobohan tersebut akan melibatkan keperluan pengawalan lalulintas, surat kelulusan daripada Bahagian Jalan, Lalulintas dan Saliran (Jabatan Kerja Awam) Majlis Bandaraya Ipoh dan Polis Trafik hendaklah dikemukakan.
---	---

NO. PS(B):

NO. RESIT:

TARIKH:



JABATAN KAWALAN PEMBANGUNAN

BORANG KOMPOSIT BAGI PERMOHONAN PERMIT KERJA-KERJA BINAAN

Borang ini hendaklah diisi dengan terang dan lengkapkan bahagian I, II, III dan IV serta kembalikan bersama-sama; 1) Salinan Kad Pengenalan pemohon; 2) Pelan Tapak beserta Pelan Lakaran (jika berkenaan); 3) Salinan memo ulasan bagi permohonan kelulusan pelan bangunan (jika berkenaan).

I. BUTIR-BUTIR PEMOHON / SYARIKAT

Nama : No. Kad Pengenalan :
Nama Syarikat : Jawatan Pemohon (Dalam Syarikat) :
Alamat : No. Pendaftaran Syarikat :
..... No. Telefon :

II. BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

Alamat Lokasi :
.....
Rujukan MBI :
.....

Jenis Kerja Yang Ingin Dilaksanakan (Cadangan Projek) :
.....
.....

(Bagi permohonan meletakkan kenderaan berat/kren) :

Nama Pemilik/Syarikat :
No. Pendaftaran Kenderaan : Jenis Kenderaan : Skylift / Kren /

III. PERAKUAN PEMOHON

Saya/Kami dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala butir-butir dan keterangan yang diberi adalah benar.

Tandatangan : Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh :

IV. JENIS PERMIT YANG DIPOHON

KOD KERJA	JENIS	TEMPOH MASA DIPERLUKAN		UNIT KIRAAН Bil / Luas / Pjg Kp2 / m2 / m	JUMLAH (RM)
		DARI	HINGGA		
C1	Mendeposit bahan-bahan binaan atas jalan				
E1	Bangsar kerja bagi pembinaan stor atau bangsal lain				
F1	Perancah yang didirikan atas jalan				
G1	Pelantar kerja, kerja berangka, platform / struktur				
H1	Papan dendeng atas jalan atau lorong jalan kaki				
K1	Kerja-kerja kecil binaan atau kerja-kerja bagi pembinaan pagar sempadan				
K2	Permit Tong Roro				
L1	Papan Tanda Projek				
L2	Pelekat				
L4	Permit Letak Kren				
M1	Petak letak kereta				
N1	Permit Meroboh Bangunan				
	Lain-lain (Nyatakan):				
JUMLAH BAYARAN					

PENGESAHAN (UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)

Adalah disahkan bahawa butir-butir keterangan dan jumlah bayaran yang dikenakan adalah benar. Disyorkan untuk kelulusan.

PENGUASA BANGUNAN :
(NAMA & TANDATANGAN)

Tarikh:

JADUAL BAYARAN FEE BAGI PERMIT KERJA-KERJA BINAAN

	JENIS KERJA	AMAUН	TEMPOH
A1	Bangsar kerja bagi pertunjukkan	RM50.00	1 hari / unit
B1	Tempat Sembahyang	RM20.00	1 hari / unit
C1	Mendeposit bahan-bahan binaan atas jalan dengan kebenaran Majlis Bandaraya Ipoh	RM18.00	1 bulan bagi 1 meter persegi
E1	Bangsar kerja bagi pembinaan stor @ bangsal lain berhubung dengan bangunan baru	RM100.00	6 bulan / unit
F1	Perancah yang didirikan di atas jalan	RM5.00	1 bulan / unit
G1	Pelantar kerja, kerja berangka, platform atau struktur Sementara daripada apa-apa jenis yang didirikan atas Bumbung bersempadan suatu jalan	RM50.00	1 bulan / unit
H1	Papan dendeng atas jalan atau orong jalan kaki Berhubung dengan kerja-kerja	RM3.00	1 bulan /meter(bagi 1 meter lorong jalan atau lorong jalan kaki bagi sebulan)
J1	Mana-mana bangunan yang baginya suatu permit Sementara telah dikeluarkan di bawah Paragraph (2) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 – Jadual Pertama	RM5.00	Bagi 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM50.00 bagi 1 permit yang boleh diperbaharui pada 01 Januari setiap tahun
K1	Kerja-kerja kecil binaan atau kerja-kerja bagi Pembinaan pagar sempadan	RM50.00	1 bulan
K2	Permit Tong Roro	RM50.00	1 bulan
L1	Papan Tanda Projek	RM50.00	Bagi setiap projek baru
L2	Pelekat (Kerja-kerja Pindaan dan Tambahan)	RM20.00	Bagi projek pindaan dan tambahan
L4	Permit Letak Kren	RM100.00	1 hari / 5 unit petak letak kereta
M1	Penyewaan Petak Letak Kereta	RM6.30	1 hari / unit
N1	Permit Meroboh Bangunan	RM50.00	1 bulan